



**KERAJAAN NEGERI PERLIS**

---

**SURAT PEKELILING BENDAHARI NEGERI PERLIS  
BILANGAN 2 TAHUN 2024**

**TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2025**

---

**PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS**

**KANDUNGAN**

1.	TUJUAN .....	1
2.	TARIKH PEMBAYARAN GAJI .....	1
3.	PERATURAN PEMBAYARAN GAJI .....	2
4.	HAL-HAL LAIN.....	3
5.	TARIKH BERKUAT KUASA.....	3
6.	PENUTUP .....	4
7.	LAMPIRAN A.....	5
8.	LAMPIRAN B.....	6



**KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**SURAT PEKELILING BENDAHARI NEGERI PERLIS  
BILANGAN 2 TAHUN 2024**

Semua Ketua Jabatan  
Negeri Perlis

**TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2025**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan:

- 1.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2025; dan
- 1.2 Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan gaji dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

**2. TARIKH PEMBAYARAN GAJI**

- 2.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2025 adalah seperti di **Lampiran A** dan ditetapkan mengikut Arahan Perbendaharaan 105.
- 2.2 Bagi tahun 2025, gaji untuk bulan Oktober dan Disember dibayar lebih awal. Pembayaran gaji awal ini hendaklah dianggap sebagai pembayaran gaji untuk bekerja sebulan penuh dan perbelanjaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat dengan betul daripada peruntukan. Oleh itu, sekiranya pungutan balik hendak dilakukan bagi bulan-bulan berkenaan maka perkara ini juga perlu diambil kira.

### 3. PERATURAN PEMBAYARAN GAJI

Untuk memastikan pembayaran gaji dapat dibuat oleh Bendahari Negeri mengikut tarikh yang telah ditetapkan, Jabatan/PTJ hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

#### 3.1 Bayaran Gaji Melalui Sistem iSPEKS

- 3.1.1 Mengemukakan Borang Perubahan Gaji (Kew.320) kepada Bendahari Negeri mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **Lampiran B**. Borang Perubahan Gaji (Kew.320) yang dikemukakan selepas tarikh akhir serahan **tidak akan diproses**.
- 3.1.2 Menyemak maklumat dalam Senarai Fail Induk Pekerja di Modul Gaji iSPEKS dan mengambil tindakan segera untuk membuat pelarasan dan pembetulan jika perlu. Kesilapan yang perlu dibetulkan dalam Fail Induk Pekerja termasuk perkara berikut:
  - i. Butiran peribadi;
  - ii. Nombor akaun bank; dan
  - iii. Nombor rujukan:
    - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
    - Cukai Pendapatan;
    - Pinjaman Perumahan Kerajaan dan sebagainya.
- 3.1.3 Semua arahan bagi membuat potongan gaji hendaklah lengkap seperti nama, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan akaun potongan. Kesilapan dan kegagalan dalam memberi maklumat tersebut akan menyebabkan potongan gaji tidak dapat dikreditkan ke akaun yang betul. Bagi mengatasi masalah ini, semua Borang Perubahan Gaji (Kew.320) perlu disokong dengan salinan kad pengenalan dan dokumen yang membuktikan nombor rujukan potongan.
- 3.1.4 Memastikan semua pembayaran emolumen Kakitangan Kerajaan Negeri dibayar melalui Modul Gaji iSPEKS. Sekiranya terdapat keperluan pembayaran emolumen melalui Baucar Berasingan bagi kes – kes tertentu, kebenaran dan kelulusan Bendahari Negeri hendaklah didapatkan terlebih dahulu.
- 3.1.5 Sebarang pertukaran akaun bank hendaklah dimaklumkan kepada Bendahari Negeri melalui Borang Perubahan Gaji (Kew.320) selewat-lewatnya pada tarikh akhir serahan seperti di **Lampiran B**.

### 3.2 **Bank Pembayaran Gaji**

Bayaran gaji kepada kakitangan kerajaan Negeri Perlis hanya dibenarkan kepada enam (6) buah bank berikut (*rujuk **Arahan Operasi Bil. 2/2014** dan surat **BN.Ps.04/053 sk.12 Jld.2 (3)** bertarikh **21 Februari 2014***):

- i. CIMB Bank Berhad
- ii. Malayan Banking Berhad
- iii. Bank Simpanan Nasional
- iv. Bank Islam Malaysia Berhad
- v. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
- vi. Bank Muamalat Malaysia Berhad

### 3.3 **Pembayaran Gaji Bagi Pekerja Bergaji Hari**

Bayaran bagi kakitangan yang menerima gaji harian hendaklah diproses pada 1 haribulan atau pada hari bekerja pertama selepas akhir bulan jika 1 haribulan itu adalah hari minggu atau hari cuti.

## 4. **HAL-HAL LAIN**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling ini, Jabatan/PTJ boleh merujuk kepada pihak berikut:

Perbendaharaan Negeri Perlis  
Bahagian Pengurusan Perakaunan  
Aras 4, Blok B  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis  
Persiaran Wawasan  
01000 Kangar, Perlis  
**(u.p.: Unit Gaji)**  
Tel. : 04-973 8537

## 5. **TARIKH BERKUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PENUTUP

Semua Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi bagi memastikan pembayaran gaji dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"TAHUN MELAWAT PERLIS 2024 - 2025"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**[AHMAD IRWAN BIN BAHARUDDIN C.A(M), CPA(M)]**  
Bendahari Negeri Perlis

14 Oktober 2024

- s.k:
1. Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
  2. Y.B Pegawai Kewangan Negeri Perlis
  3. Pengarah Jabatan Audit Negara Malaysia Negeri Perlis

**TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULANAN BAGI TAHUN 2025**

BULAN	TARIKH	HARI	CATATAN
Januari	22.01.2025	Rabu	<i>Israk &amp; Mikraj</i> 27 Januari 2025 (Isnin)  <i>Tahun Baru Cina</i> 29 & 30 Januari 2025 (Rabu & Khamis)
Februari	24.02.2025	Isnin	
Mac	20.03.2025	Khamis	<i>Hari Raya Aidilfitri</i> 30 Mac & 01 April 2025 (Isnin & Selasa)
April	22.04.2025	Selasa	
Mei	22.05.2025	Khamis	
Jun	23.06.2025	Isnin	<i>Hari Raya AidilAdha</i> 7 & 8 Jun 2025 (Sabtu & Ahad)
Julai	22.07.2025	Selasa	
Ogos	21.08.2025	Khamis	
September	22.09.2025	Isnin	
Oktober	16.10.2025	Khamis	<i>Hari Deepavali</i> 20 Oktober 2025 (Isnin)
November	20.11.2025	Khamis	
Disember	18.12.2025	Khamis	<i>Hari Krismas</i> 25 Disember 2025 (Khamis)

## Lampiran B

**TARIKH PENYERAHAN BORANG PERUBAHAN GAJI (KEW. 320)**  
**BAGI TAHUN 2025**

<b>GAJI BULAN</b>	<b>TARIKH GAJI</b>	<b>TARIKH MULA SERAHAN</b>	<b>TARIKH AKHIR SERAHAN</b>
Januari	22.01.2025	19.12.2024	08.01.2025
Februari	24.02.2025	22.01.2025	07.02.2025
Mac	20.03.2025	24.02.2025	06.03.2025
April	22.04.2025	20.03.2025	07.04.2025
Mei	22.05.2025	22.04.2025	06.05.2025
Jun	23.06.2025	22.05.2025	10.06.2025
Julai	22.07.2025	23.06.2025	07.07.2025
Ogos	21.08.2025	22.07.2025	07.08.2025
September	22.09.2025	21.08.2025	04.09.2024
Oktober	16.10.2025	22.09.2025	30.09.2024
November	20.11.2025	16.10.2025	04.11.2025
Disember	18.12.2025	20.11.2025	02.12.2025

**Nota: Tarikh Mula Serahan dan Tarikh Akhir Serahan Kew.320 adalah tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa**